

بُولَتِينُ الْبَسْتِينِيَّةِ كَاهِيَّةِ زَيْنِ اِسْلَامِ قَلْبِي سَائِرَ اَوْقَاتٍ



Buletin IKMAS JAKIM

SCAN ME



Laman Sesawang:
myikmas.islam.gov.my

BIL. 3 / 2021

سبتمبر - ديسمبر، صفر - جماد الأول ١٤٤٣ هجيرة



**LAWATAN KERJA
RASMI YB
SENATOR DATUK
HAJI IDRIS BIN
HAJI AHMAD
MENTERI DI
JABATAN
PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL
AGAMA)**



**MAJLIS MENANDATANGANI
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
ANTARA IKMAS DAN CENTEXS**



**BENGGEL PENGUBALAN MODUL
ADAB SIRI 4/2021**



**MAJLIS GRADUASI SIJIL EKSEKUTIF
PdP UNIMAS-IKMAS**



<https://myikmas.islam.gov.my>



ikmassarawak



myikmas

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Kamaludin bin Mohd Damin

KETUA EDITOR

Dr. Roziah binti Haji Chek

SIDANG REDAKSI

Kartini binti Haji Ahmad

Ainuddin bin Haji Dolhakim

Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin

Mohd Chathazman bin Abdullah

Muhammad Fadhli bin Ahmat

PENYELARAS

Shuhaib bin Supani

Nurul Sabariah binti Saini

Muhammad Faizul bin Kanaini

JURUFOTO

Irwandy bin Sarkawi

Mohd Safwan bin Ismail

PENGHARGAAN ISTIMEWA

Pejabat Pengarah

Pejabat Pendaftar

Bahagian Akademik

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Bahagian Kemahiran dan Latihan Daie

Bahagian Pembangunan Insan

Bahagian Penerbitan

Unit Jaminan Kualiti

SEBARANG KOMEN ATAU CADANGAN
PENAMBAHBAIKAN SILA HUBUNGI:

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak
(IKMAS)

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Peti Surat 2867, Jalan Matang, Telaga Air

93050 Kuching

SARAWAK

(u/p : Bahagian Penerbitan)

Tel : 082-843477, 475

Faks : 082-843440, 439

Email : penerbitanikmas@gmail.com

ISI KANDUNGAN

Isi Kandungan ...	2
Sidang Redaksi ...	2
Kalam Ketua Editor ...	2
Tokoh Alumni IKMAS ...	3
Simbolik Penyampaian Akreditasi Sementara Program Sijil Pengajian Islam...	4
Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara IKMAS dan CENTEXS...	4
Lawatan Kerja Rasmi Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama ke IKMAS...	5
Majlis Graduasi Sijil Eksekutif PdP UNIMAS-IKMAS...	5
Pelancaran Buku Garis Panduan EKSA IKMAS...	6
Kursus Dakwah dan Kaunseling...	6
Bengkel Penulisan Kreatif...	7
Bengkel Penggubalan Modul Adab Siri 4/2021...	7
<i>Training of Trainers Mentor Mentee</i> IKMAS...	8
Lawatan Secara Maya Kursus dan Kemahiran antara IKMAS dan Kolej Komuniti Kuching...	8
Kursus Kepimpinan Karisma Daie...	9
Program Menyemai Bakti IKMAS Kali Ke-20...	9
Bengkel <i>Grooming</i> Pegawai Berkualiti...	10
Program Literasi Maklumat...	10
Artikel Staf...	11-12
Lensa...	13-14
Sekalung Tahniah...	15
Jom Masuk IKMAS...	16

KALAM KETUA EDITOR

Assalamualaikum WBT

Alhamdulillah dengan izin Allah SWT, Buletin IKMAS Bil.3 2021 ini dapat diterbitkan. Jutaan terima kasih kepada Pengarah IKMAS dan sekalung penghargaan dirakamkan kepada sidang redaksi, pegawai penyelaras buletin, jurugambar serta



penyumbang artikel kerana memberikan sepenuh komitmen dalam memberikan info serta gambar untuk dimuatkan dalam buletin pada kali ini.

IKMAS amat berbesar hati menerima kunjungan daripada YB Senator Datuk Haji Idris Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan YB Datuk Ahmad Marzuk Shaary, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dalam rangka melebarkan sayap dakwah demi pembangunan modal insan masyarakat setempat di bumi Sarawak. IKMAS sebagai sebuah Pusat Pendidikan Tinggi Islam di negeri Sarawak wajar mempersiapkan pelbagai program berbentuk keilmuan, latihan serta kemahiran kepada masyarakat setempat sejajar dengan keperluan semasa.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah memberi idea, pandangan, maklumat serta segala bantuan sehingga terhasilnya penerbitan ini. Moga IKMAS terus mengorak langkah ke hadapan mematri kejayaan demi kejayaan ummah sepanjang zaman.

Sekian, selamat maju jaya.

Kenali Tokoh Alumni IKMAS

Latar Belakang

Puan Siti Khadzifah binti Kaimin lahir pada tahun 1982 berasal dari Ranau, Sabah merupakan anak ke-4 daripada 9 orang adik-beradik yang terdiri daripada 3 lelaki dan 6 perempuan. Beliau telah mendirikan rumah tangga dan merupakan generasi IKMAS pada tahun 2003-2006.

Latar Belakang Pendidikan

- Calon Doktor Falsafah Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2018 - kini)
- Ijazah Sarjana Pendidikan Islam, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (2015 - 2017)
- Ijazah Sarjana Muda Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (2007-2010)
- Diploma Pendidikan Islam, IPG Kampus Kent, Tuaran (2011-2012)
- Diploma Pengajian Islam dan Dakwah, IKMAS JAKIM (2003-2006)
- Sekolah Menengah Agama Ranau (1994-2000)

Kerjaya

- Guru, Sk.Bongol, Tamparuli (November 2019 hingga sekarang)
- Guru, Sk.Bantayan, Tamparuli (2011-2019)
- Pensyarah Sambilan Program Diploma Perguruan Lulusan Ijazah (PDPLI) KDC Ambilan Jun 2021 (Sesi Oktober - Januari 2022)
- Pensyarah Sambilan Program Diploma Perguruan Lulusan Ijazah (PDPLI) KDC Ambilan Jun 2017 dan Nov 2017 (Sesi Februari Dan Mac 2019)
- Pensyarah Sambilan Program Diploma Perguruan Lulusan Ijazah (PDPLI) KDC Ambilan Jun 2017 Dan Nov 2017 (Sesi Ogos 2018)
- Pensyarah Jemputan, Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah-IPDAS (2010-2011)
- Guru Sukarela (Teratak Ar-Raudhah - JHEAINS) (2015)
- Pensyarah Jemputan, Pusat Latihan Dakwah Kudat (2007)
- Guru Sementara Sui Kg. Lohan, Ranau (2007)
- Guru Sukarela Sekolah Agama Rakyat (SAR) Kg. Timbua, Ranau (2002)
- Guru Ganti Pendidikan Islam (SK. Sook, Keningau) (2002)

Harapan dan Impian untuk IKMAS

Diharapkan IKMAS dapat terus mengorak langkah ke hadapan berkembang seiring dengan institusi pengajian tinggi di Malaysia. IKMAS mampu melahirkan produk tersendiri yang berkebolehan, mahir dan berpotensi dalam pelbagai bidang tidak kira bidang agama, kepimpinan, pengurusan dan kemahiran yang ada. Terbukti kini, lebih 10 tahun berdiri teguh hasil produk IKMAS mampu memberi sumbangan besar kepada agama, masyarakat dan negara. Menjadi harapan dan impian, IKMAS menjadi sebuah kolej atau universiti Islam yang unggul di Borneo khususnya dan amnya di Malaysia pada masa hadapan. Semoga IKMAS terus maju dan cemerlang. Secara peribadinya impian dan harapan saya pada suatu ketika yang diizinkan Allah SWT supaya dapat memberi sedikit sumbangan dan manfaat kepada IKMAS dari segi percambahan idea ataupun tenaga demi kemajuan dan perkembangan IKMAS yang sentiasa dekat di hati.



Sesi temubual yang dijalankan secara *online* bersama Puan Siti Khadzifah binti Kaimin

Anugerah dan Pencapaian

- Penerima Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan Separuh Masa/ Sambilan Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pembentang Seminar Wahyu Asas Tamadun Kali Ke-7 (SWAT 2021), USIM
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (2018) – Anugerah Khas Guru Sejati
- Pembentang Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-11, ILIM Bangi
- Editor Projek Terjemahan Surah Yasin dan Tahlil dalam Bahasa Dusun Kerjasama dengan Syarikat PTS Darul Furqan Sdn Bhd Selangor



LAWATAN KERJA RASMI

YB SENATOR MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA) DAN SIMBOLIK PENYAMPAIAN AKREDITASI SEMENTARA PROGRAM SIJIL PENGAJIAN ISLAM

23 Oktober 2021 – Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke tapak projek pembangunan fasa kedua IKMAS.

Tujuan lawatan beliau adalah bagi memberi penerangan hala tuju portfolio hal ehwal agama di Jabatan Perdana Menteri. Antara pengisian lawatan kerja beliau ke IKMAS kali ini ialah simbolik penyampaian Akreditasi Sementara Program Sijil Pengajian Islam (SPI) IKMAS.

Selain itu, turut diadakan sumbangan bakul makanan kepada Keluarga Malaysia (golongan B40) dan penyampaian sumbangan Bakul Makanan Musa'adah kepada ahli kariah masjid di Sarawak.

Acara kemuncak majlis diserikan dengan penyerahan cek Musa'adah Covid-19 kepada YBhg. Datuk Dr. Abdul Rahman bin Junaidi, Menteri Muda Hal Ehwal Islam Sarawak. Lawatan kerja rasmi beliau diakhiri dengan lawatan ke tapak projek pembangunan fasa kedua IKMAS.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA IKMAS DAN CENTEXS



23 Oktober 2021 – Hari ini dalam sejarah bagi IKMAS apabila berjaya memeteraikan memorandum persefahaman (MoU) dengan Centre of Technical Excellence Sarawak (CENTEXS). MoU ini turut diadakan bersempena lawatan kerja rasmi YB Senator Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Majlis ini merupakan sebahagian daripada majlis lawatan Menteri ke Kuching, Sarawak selama tiga hari bermula 22 Oktober hingga 24 Oktober 2021. Majlis turut dihadiri oleh Tan Sri Datuk Amar Mohamad Morshidi bin Abd Ghani, Pengerusi CENTEXS, Datuk Abdul Aziz bin Jusoh, Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAKIM, Syeed Mohd Hussien Wan Abd Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif CENTEXS, Ustaz Haji Khalidi bin Ibrahim, Pengarah Jabatan Agama Islam Sarawak, Ustaz Kamaldin bin Mohd Damin, Pengarah IKMAS serta rombongan Menteri dan JAKIM.

LAWATAN KERJA RASMI YB TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)



3 Disember 2021 – “Agensi agama memainkan peranan penting dalam memperutuh nilai dan ajaran Islam, serta menyemai benih dakwah kepada masyarakat. Justeru, pentingnya pegawai dan kakitangan agensi agama memahami ajaran Islam yang berpandukan nas dalil al-Quran dan as-Sunnah, serta *Qudwah Hasanah* dalam setiap pelaksanaan gerak kerja. Tanggungjawab ini amat besar dan harus dilaksanakan dengan penuh hikmah, amanah dan berintegriti,” kata YB Datuk Ahmad Marzuk bin Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwah Agama).

Begitulah ucapan sulung beliau sempena majlis Townhall bersama-sama pegawai dan kakitangan agensi agama Persekutuan Sarawak yang diadakan di Auditorium al-Wadi, IKMAS Kampus 2. Antara tujuan program ini ialah mengeratkan hubungan antara kepimpinan tertinggi Hal Ehwah Islam bersama-sama pegawai dan kakitangan agensi agama Persekutuan di Kuching.

Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Sirajuddin bin Suhaimee, Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM, Encik Kamaldin bin Mohd Damin, Pengarah IKMAS, Encik Hamdan bin Jar’ee, Pengarah JAKIM Sarawak, Ketua Agensi Agama Persekutuan Sarawak, kader JAKIM, guru KAFA, guru takmir serta warga IKMAS dan JAKIM.

Sementara itu, YB Datuk turut menyampaikan sumbangan agihan musa’adah kepada masyarakat sebagai tanda prihatin kerajaan kepada rakyat. Semoga kehadiran beliau memberi keberkatan kepada IKMAS.



MAJLIS GRADUASI SIJIL EKSEKUTIF PDP UNIMAS – IKMAS

10 Disember 2021 – Bertempat di Mini Auditorium, IKMAS Kampus 1 telah berlangsung Majlis Penyampaian Sijil Eksekutif ECTL UNIMAS.

Majlis diserikan dengan kehadiran YBrs. Ustaz Kamaldin bin Mohd Damin, Pengarah IKMAS seterusnya menyempurnakan majlis penyampaian sijil tersebut. Turut hadir bersama dalam majlis tersebut adalah Ketua-ketua Bahagian dan penerima-penerima Sijil Eksekutif.

Semoga sijil yang diperolehi dapat meningkatkan lagi motivasi untuk melaksanakan amanah yang telah diberikan.



PELANCARAN BUKU GARIS PANDUAN EKSA



8 Oktober 2021 – IKMAS kini melangkah ke hadapan dengan melaksanakan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang selaras dengan dasar mewujudkan organisasi berprestasi tinggi, berkualiti dan berinovatif. Selain itu persekitaran yang bersih, kemas dan kondusif turut ditekankan demi keselesaan warga IKMAS dan pelanggan.

Amalan EKSA merupakan penjenamaan semula amalan 5S yang dilaksanakan di sektor awam mulai 2020. Amalan ini turut mengekalkan komponen utama iaitu sisih, susun, sapu, seragam dan sentiasa amal. Bahkan EKSA turut menambah elemen baharu selaras dengan keperluan sektor awam iaitu imej korporat, kreativiti dan inovatif, amalan hijau, persekitaran kondusif serta kepelbagaian agensi.



Amalan EKSA juga memberi memberi peluang kepada warga IKMAS menjana idea yang lebih kreatif. Justeru IKMAS melancarkan buku panduan EKSA IKMAS bertempat di Auditorium Al-Wadi, IKMAS Kampus 2. Majlis pelancaran ini dirasmikan oleh YBrs. Ustaz Kamaldin bin Mohd Damir, Pengarah IKMAS.




Semoga buku panduan EKSA ini dapat dijadikan rujukan kepada warga IKMAS dalam melaksanakan persekitaran kerja lebih sistematik serta mengukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi melalui persekitaran yang bersih, kemas dan kondusif.

KURSUS DAKWAH DAN KAUNSELING

7 Oktober 2021 – Cawangan Sains Dakwah dan Komuniti, Bahagian Pembangunan Insan IKMAS telah mengadakan Kursus Dakwah dan Kaunseling selama dua hari bermula pada 6 sehingga 7 Oktober 2021 secara dalam talian melalui aplikasi *Google Meet*.

Antara objektif kursus ialah memberikan pendedahan kepada peserta tentang kepentingan kaunseling dalam medan dakwah, mengetengahkan kemahiran dakwah dan kaunseling kepada para dai'e, memahami kaedah kaunseling syarie dan dapat mengaplikasikannya kepada individu yang memerlukan bimbingan dan khidmat nasihat.

Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 85 orang peserta yang terdiri daripada penjawat awam, pegawai dan kakitangan IKMAS. Penceramah jemputan ialah Ustazah Ainul Nadzifah binti Mohd Ali, Pensyarah IKMAS. Semoga kursus ini dapat memberikan ilmu pengetahuan dan kemahiran kaunseling yang sangat berguna kepada para peserta kursus.



BENGGKEL PENULISAN KREATIF

8 Oktober 2021 – Bahagian Penerbitan IKMAS dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBPCS) dan Majlis Perwakilan Pelajar IKMAS telah berjaya menganjurkan Bengkel Asas Penulisan Kreatif secara dalam talian yang dihadiri oleh para pelajar IKMAS.

Bengkel ini dibimbing oleh seorang penceramah jemputan yang berpengalaman iaitu Encik Mohamad Faizal bin Jamil, Penolong Perancang Bahasa DBPCS.

Antara objektif bengkel adalah bagi memberi kefahaman berkenaan kaedah penulisan kreatif seperti puisi, sajak dan pantun kepada para pelajar, menanam semangat dan minat pelajar terhadap bahasa dan sastera Melayu dan menulis puisi dengan bahasa yang betul dan tafsiran yang tepat.



BENGGKEL PENGGUBALAN MODUL ADAB SIRI 4/2021

7 Oktober 2021 - Bengkel Penggubalan Modul Adab Siri 4/2021 diadakan selama dua hari bermula 6 Oktober sehingga 7 Oktober 2021 bertempat di Kamar Tun IKMAS Kampus 1. Bengkel telah dihadiri oleh Ustaz Kamaldin bin Mohd Damin, Pengarah IKMAS, Ketua-ketua Bahagian dan pensyarah IKMAS.

Bengkel dimulakan dengan pengisian borang penilaian yang menjadi elemen terakhir dalam pelaksanaan modul. Tujuan modul ini diadakan untuk memenuhi keperluan perancangan KPI yang ditetapkan oleh IKMAS dalam rangka penyediaan modul khusus kepada pelajar berkaitan adab dan sahsiah.

Majlis penangguhan telah dirasmikan oleh YBr. Ustaz Kamaldin bin Mohd Damin, Pengarah IKMAS. Harapan beliau agar modul adab ini dapat diamalkan dalam kalangan pelajar dan menjadi kayu ukur kepada prestasi kecemerlangan pelajar dari segi sahsiah.



TRAINING OF TRAINERS MENTOR MENTEE IKMAS

9 September 2021 – Unit Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni IKMAS telah mengadakan program *Training of Trainers (ToT) Mentor Mentee* IKMAS melalui *Google Meet*.

Program ini melibatkan semua pensyarah IKMAS dan dikendalikan sepenuhnya oleh penceramah jemputan, Dr. Mohd Zaharen bin Md Zahir, Pegawai Psikologi Darul Quran JAKIM. Antara pengisian program ialah Pengenalan Asas Kaunseling, Pembimbing, Pementoran, Pengenalan Teori **REBT-Tazkiyah an-Nafs sebagai Integrasi Teori Kaunseling Spiritual** serta **Latihan Guru Sebagai Mentor** berdasarkan **Buku Modul REBT-Tazkiyah an-Nafs**.

Walaupun program ini berlangsung dalam talian, tetapi penglibatan peserta sangat memberangsangkan. Banyak sekali isu dan topik yang dikupas dan disentuh oleh penceramah berkaitan *mentor-mentee*.

Semoga bengkel ini dapat meningkatkan lagi kefahaman pensyarah berkaitan peranan *mentor-mentee* dan dapat diaplikasikan sepanjang program *mentor-mentee* diadakan.



LAWATAN SECARA MAYA KURSUS DAN KEMAHIRAN ANTARA IKMAS DAN KOLEJ KOMUNITI KUCHING

7 Oktober 2021 - Bahagian Kemahiran dan Latihan Daie IKMAS telah menganjurkan Taklimat Lawatan Secara Maya Kursus dan Kemahiran antara IKMAS dan Kolej Komuniti Kuching secara dalam talian melalui aplikasi *Google Meet*.

Taklimat maya ini dihadiri oleh lapan orang pegawai dan kakitangan IKMAS serta empat orang pegawai dari Kolej Komuniti Kuching. Wakil IKMAS adalah Puan Kartini binti Ahmad, Timbalan Pengarah, dengan diketuai oleh Encik Mohd Chathazman bin Abdullah, Ketua Bahagian Kemahiran dan Latihan Daie, Encik Ainuddin bin Dolhakil, Pejabat Pendaftar, Puan Siti Nurhidayah binti Kusnin, Ketua Unit Jaminan Kualiti, Puan Siti Rohayu binti Md Saad, Encik Mohd Taquiuddin bin Arosdiee, Puan Norhasmah binti Abu Bakar dan Puan Siti Hazizah binti Suhaili. Manakala wakil Kolej Komuniti Kuching adalah Ts. Liew Foong Ching, Timbalan Pengarah Pengurusan, Encik Mervin Gumba Anak Sigai, Timbalan Pengarah Akademik, Puan Afzan binti Mohamad Sula, Pegawai Pengambilan, dan Puan Siti Fairuz binti Ngatenan, Pegawai Perhubungan Awam.

Perbincangan ini adalah bertujuan bagi menilai kursus kemahiran yang sesuai bagi menambahkan kemahiran elektif yang sedia ada supaya pelajar akan lebih kompetitif dalam kalangan masyarakat. Taklimat dimulai dengan ucapan dari Puan Kartini binti Ahmad yang mewakili Pengarah IKMAS dan seterusnya ucapan Ts. Liew Foong Ching, Timbalan Pengarah Pengurusan yang hadir mewakili Pengarah Kolej Komuniti Kuching. Turut dibentangkan sewaktu taklimat adalah berkenaan dengan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), PSH Bermodular vs PSH Bermodul (Kredit), Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dan Revolusi Industri (4IR).

Semoga taklimat ini akan dapat memberikan pendedahan dan pencerahan yang lebih terperinci serta dapat dilaksanakan dengan jayanya di IKMAS.



KURSUS KEPIMPINAN KARISMA DAIE

8 September 2021 – Cawangan Sains Dakwah dan Komuniti, Bahagian Pembangunan Insan IKMAS telah menganjurkan Kursus Kepimpinan Karisma Daie selama dua hari bermula 7 hingga 8 September 2021 secara dalam talian melalui aplikasi *Google Meet*.

Kursus ini bertujuan bagi memahami konsep kepimpinan Islam, memberikan kefahaman berkaitan kepimpinan karisma daie dan mengenalpasti isu dan cabaran dalam dakwah masa kini. Seramai 83 orang peserta telah hadir yang terdiri daripada penjawat awam dan kakitangan IKMAS.

Antara barisan penceramah jemputan yang telah berkongsi ilmu dan pengalaman ialah YBrs. Ustaz Hasfa Bakry bin Hassan, Ketua Cawangan Agama, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak, YBrs. Ustaz Sarbini bin Dahlan, Pegawai Dakwah HIKMAH dan Ustaz Shuhaib bin Supani, Pensyarah IKMAS.

Semoga kursus ini akan dapat memberikan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam meningkatkan kepimpinan dan karisma para peserta kursus.



PROGRAM MENYEMAI BAKTI IKMAS KALI KE-20



12 November 2021 – Bagi memenuhi syarat bergraduasi Diploma Dakwah Islamiyyah, program menyemai bakti kini kembali diadakan. Program ini melibatkan 69 orang pelajar Semester 6 dan kebiasaannya diadakan di kawasan perkampungan mengikut daerah yang dipilih, namun disebabkan pandemik Covid-19, cara pelaksanaan program ini terpaksa diubah mengikut kesesuaian keadaan.

Pada tahun ini, program ini tetap diteruskan dan terdapat beberapa pengubahsuaian pelaksanaan demi memudahkan urusan pelajar. Pelaksanaan program anjuran Bahagian Kemahiran dan Latihan Daie IKMAS ini dimulakan dengan Majlis Perasmian yang diadakan melalui *Google Meet* dan dirasmikan oleh Ustaz Kamaldin bin Mohd Damir, Pengarah IKMAS.

Antara objektif program ini ialah pelajar mampu menyampaikan dakwah Islam melalui cara yang baik, keupayaan mengurus maklumat dalam berdakwah, mempraktikkan dakwah secara berterusan melalui pengalaman yang diperoleh dan menguasai pengetahuan dalam bidang dakwah. Selain itu, pelajar ditugaskan untuk Kuliah Tujuh Minit (KULTUM), tugas khidmat komuniti dan laporan akhir program. Semua tugas dilaksanakan secara dalam talian sepanjang program menyemai bakti ini.

Pelajar turut diminta mengikuti beberapa kursus dan bengkel sepanjang program ini berlangsung seperti Kursus Pengurusan Jenazah, Kursus Perkahwinan dan Bengkel Kerjaya sebagai persediaan sebelum mengharungi dunia dakwah yang sebenar.

Semoga para pelajar Semester 6 dapat menamatkan program menyemai bakti ini dengan jayanya.

BENGGKEL "GROOMING" PEGAWAI BERKUALITI



8 September 2021 – Unit Jaminan Kualiti IKMAS berjaya menganjurkan Bengkel "Grooming" Pegawai Berkualiti yang diadakan menerusi *Google Meet*. Bengkel ini melibatkan semua warga kakitangan IKMAS dan dikendalikan oleh dua penceramah iaitu Siti Rohaizu

daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). (Surah Ali Imran: 110)

binti Ahmad Din, Pegawai Psikologi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, dan Ruzdiana Ruslan, Pengarah Senior Pemasaran Bebas Mary Kay Malaysia.

Bengkel ini menyentuh dua topik berbeza iaitu Psikologi dan Imej, dan Asas Penjagaan Muka. Antara objektif bengkel ialah menyuntik motivasi peserta supaya mengekalkan momentum positif di tempat kerja melalui pembangunan imej berkualiti. Turut diselitkan slot asas penjagaan muka sebagai panduan penggunaan produk dengan betul. Pelaksanaan bengkel ini selaras dengan sasaran Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 28 tahun 2009, pegawai awam juga hendaklah melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan terkini serta mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi.


Melalui pembinaan imej berkualiti dan berkeyakinan tinggi, prestasi pegawai awam dapat dipertingkatkan secara konsisten selari dengan ayat al-Quran yang bermaksud; "Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



21 Oktober 2021 – Literasi maklumat adalah suatu kemahiran digunakan untuk mencari maklumat tertentu yang diperlukan merangkumi kebolehan mencari maklumat dalam apa jua format serta menggunakan maklumat tersebut secara aktif. Literasi maklumat jauh lebih luas daripada literasi komputer yang melibatkan kemampuan menggunakan teknologi moden dan alat tradisional untuk mencari dan menggunakan maklumat dengan berkesan.



Sehubungan itu, Perpustakaan IKMAS telah menganjurkan Program Literasi Maklumat yang disampaikan oleh Cik Nurfatini binti Apandi, Pustakawan Unit Literasi Maklumat, Pustaka Negeri Sarawak secara dalam talian kepada pelajar IKMAS.



Program ini bertujuan mendedahkan kepada pelajar tentang kemahiran yang diperlukan dalam mengakses maklumat dan meningkatkan teknik pencarian maklumat dari pelbagai sumber dalam kalangan pelajar.

Semoga program ini dapat membantu pelajar mengaplikasikan kemahiran serta teknik yang tepat dalam menyiapkan tugas bagi tujuan pembelajaran mereka sepanjang menuntut di IKMAS.

Siti Nur Hidayah binti Kusnin
Pegawai Hal Ehwal Islam IKMAS



ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA MENURUT ISLAM

Keluarga didefinisikan sebagai ahli, saudara-mara, kaum kerabat mahupun sanak saudara. Menurut Bahasa Arab, keluarga disebut sebagai al-usrah (فرسأل) yang merupakan sebuah nukleus kecil paling utama dalam pembentukan masyarakat dan negara. Konsep keluarga dalam Islam cukup jelas kerana Islam sangat mengutamakan pembinaan individu dan keluarga yang akan memainkan peranan membentuk generasi soleh. Ia juga merupakan suatu struktur khusus di mana setiap individu yang berada di dalamnya diikat oleh satu ikatan, samada hubungan darah atau ikatan pernikahan yang membawa kepada rasa saling mengharap (*mutual expectation*) yang sesuai dengan ajaran Islam. Mereka juga berinteraksi secara harmoni, saling menyokong satu sama lain dalam memenuhi keperluan fisiologi, saling mendidik, menghidupkan amalan beragama serta merencanakan ekonomi dan sosio budaya keluarga.

Dalam Islam, kaum lelaki terutamanya bapa, abang atau adik lelaki diperintahkan untuk memimpin, menjaga dan melindungi; sepertimana maksud ayat 34, surah an-Nisā' "Kaum lelaki adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana itu Allah telah melebihkan sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka".

Aspirasi Keluarga Malaysia tahun 2021 yang dibawa oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilihat selari dengan konsep keluarga Islam yang menjaga Maqāsid Syariah. Deklarasi Keluarga Malaysia tersebut antaranya menyatakan; memperkukuh peranan keluarga dalam pembentukan nilai murni, sebagai asas perpaduan masyarakat dan memperkasa penglibatan masyarakat dalam pengukuhan sistem sokongan keluarga sejahtera. Justeru Aspirasi Keluarga Malaysia perlu dimurnikan dalam acuan Islam dengan berpaksikan keimanan kepada Allah SWT. Apabila asas akidah, syariah dan akhlak yang teguh dipasakkan dalam hati, secara tidak langsung peranan setiap ahli keluarga akan dilaksanakan dengan sebaiknya sama ada sebagai seorang bapa atau ibu, abang, kakak atau adik. Bermula dari memilih pasangan lagi, Islam telah menggariskan panduannya sehinggalah kepada mendidik anak-anak. Pepatah inggeris ada menyatakan "*it takes a village to raise a child*" menunjukkan betapa seriusnya penglibatan semua pihak diperlukan dalam membantu tumbesaran seseorang anak yang dilahirkan.

Dalam kita membicarakan hasrat pimpinan negara dalam aspirasi tersebut, jangan kita lupa mengenai krisis sosial dan moral yang masih berlaku di Malaysia. Berdasarkan statistik Jabatan Pendaftaran Negara, sehingga Jun 2018, terdapat seramai 1,664 anak tidak sah taraf dilahirkan ibu berusia 18 tahun ke bawah. Sepanjang tahun 2017 pula, terdapat sebanyak 120 orang bayi telah dibuang selepas dilahirkan. Angka-angka tersebut menunjukkan bahawa isu yang masih berlaku di negara ini memerlukan perhatian serius dari segenap lapisan masyarakat. Tragedi tersebut juga menggambarkan bahawa pengurusan institusi keluarga bukanlah hanya melalui *chalk and talk* serta *text book centered*. Pembentukan keluarga adalah medan praktikal semua cabang ilmu yang dipelajari dari kecil hinggalah dewasa, formal mahupun tidak. Jika kehidupan berkeluarga disuburkan dengan budaya ilmu, setiap individu dapat mengetahui peranan masing-masing dan akan bertekad memenuhi tanggungjawab mereka sebaiknya. Setiap anak lelaki mahupun perempuan perlu diajar bukan sahaja ilmu akademik atau agama semata-mata malah paling utama ialah adab dan nilai-nilai murni. Institusi keluarga tidak boleh menjadi rapuh hanya disebabkan anasir luar bahkan perlu menguatkan antara satu sama lain.

Seterusnya, bagi menjayakan aspirasi Keluarga Malaysia, setiap ahli masyarakat yang tinggal bersama-sama dalam sesebuah komuniti perlu melibatkan diri secara aktif dalam sistem sokongan setempat; yang boleh menjadi forum berkongsi maklumat mengenai aktiviti penduduk setempat. Secara tidak langsung, ia dapat mewujudkan sistem sokongan keluarga dan masyarakat yang sejahtera seterusnya dapat mencegah kerosakan harta benda dan jiwa manusia. Sebagai contoh, dalam tragedi banjir besar di Selangor dan Pahang baru-baru ini, dapat dilihat semua pihak termasuk sukarelawan bebas membantu mengikut keupayaan masing-masing. Tuntasnya, setiap pihak perlu mendukung segala inisiatif dan menggembleng segala sumber untuk meningkatkan pengukuhan institusi perkahwinan dan keluarga dalam menjayakan aspirasi Keluarga Malaysia secara tidak langsung dapat merealisasikan "Rumahku Syurgaku" atau "Baiti Jannati" di setiap rumah.

Abdul Rahim bin Othman
Pegawai Hal Ehwal Islam IKMAS



IQRA: ASAS PEMBENTUKAN MANUSIA

Satu arahan yang jelas dari pencipta kepada manusia “Bacalah” itulah maksud perkataan Iqra yang diulang oleh Malaikat Jibril AS kepada Rasulullah SAW sebanyak tiga kali tatkala Baginda SAW bersendirian di Gua Hira’ mencari petunjuk dari Allah SWT demi menyampaikan risalah kepada seluruh manusia yang pada ketika itu berada dalam keadaan Jahiliyyah. Yang kaya terus berkuasa, yang miskin terus dihina dan dianiayai. Maka dengan datangnya Islam, bermula dengan arahan “Iqra”, sikap manusia dapat diubah dari yang mementingkan diri kepada seorang yang suka membantu, pemaarah kepada yang sabar, dan bakhil kepada yang pemurah.

Proses pembentukan manusia bukanlah sesuatu perkara yang mudah, malahan memerlukan strategi, usaha dan doa kepada pemilik manusia itu sendiri iaitu Allah SWT kerana hidayah dan petunjuk adalah milik Allah SWT. Strategi dan usaha mestilah selari dengan kehendak pencipta agar perubahan yang berlaku akan kekal dan tersemat dalam jiwa sanubari seseorang tersebut.

Setiap huruf dari perkataan bahasa Arab “Iqra” iaitu *alif*, *qaf*, *ra’* dan *hamzah* mempunyai maknanya yang tersendiri. Pertama, *alif* adalah Ikhlas. Langkah pertama untuk manusia berubah adalah ikhlas. Niatkan kerana Allah SWT semata-mata untuk lebih berjaya dalam perubahan diri. Orang yang ikhlas tidak akan menunggu dan menanti perubahan dari orang lain. Jauh sekali menuding jari mencari kesilapan orang lain. Iblis adalah musuh utama yang akan menghalang manusia untuk berubah. Ketahuilah kelemahan Iblis kepada manusia yang ingin berubah adalah manusia yang benar-benar ikhlas kerana Allah SWT untuk berubah. Firman Allah SWT yang bermaksud: Iblis berkata: Ya Tuhanku, oleh sebab Engkau telah memutuskan bahawa aku sesat, pasti aku akan menjadikan mereka memandang baik (perbuatan maksiat) di muka bumi, dan pasti aku akan menyesatkan mereka semuanya. Kecuali hamba-hamba Engkau yang ikhlas di antara mereka. (Surah al-Hijr: 39-40)

Kedua, *qaf* adalah Quwwah atau kuat. Kuat bukanlah bererti perlu memiliki tubuh badan yang gagah dan perkasa. Dalam Islam, seseorang yang memiliki jiwa yang kuat, bersedia untuk dinasihati demi kebaikan dirinya. Seseorang wajiblih berlapang dada dalam menerima teguran dengan penuh sabar dan berusaha memperbaiki dirinya. Sebagai contoh, seorang pelajar wajiblih mentaati dan bersedia menerima segala peraturan yang telah disediakan di sesebuah institusi demi kebaikan dirinya yang ingin berubah. Kuat juga boleh disifatkan seseorang yang gigih dan bersungguh-sungguh walau apa jua hal keadaan. Allah SWT mencintai manusia yang bersungguh-sungguh dalam apa jua kerjaya yang diceburi serta amanah dalam usahanya. Firman Allah SWT yang bermaksud: Salah seorang dari kedua wanita itu berkata: Ya bapakku ambillah dia sebagai orang yang bekerja (pada kita), kerana sesungguhnya orang yang paling baik yang kamu ambil untuk bekerja (pada kita) ialah orang yang kuat lagi dapat dipercaya. (Surah al-Qasas: 26)

Ketiga, *ra’* adalah Rabbani. Dari sudut matlamat dan perubahan hidup, seseorang yang ingin berubah akan menjadikan Islam sebagai hubungan yang baik dengan Allah SWT dan berusaha mendapat keredhaanNya sebagai matlamat terakhir kehidupan manusia. Inilah matlamat hidup insan dalam kehidupannya di dunia. Orang yang bersifat rabbani akan sentiasa mempelajari al-Quran sebagai panduan hidupnya. Sifat Rabbaniyah turut memberi kesan terhadap pembentukan jiwa manusia dalam kehidupan di dunia, disamping mendapat faedah di akhirat. Antaranya adalah manusia tahu apakah matlamat hidupnya, apakah kesudahan hidup ini dan apakah peranannya dalam hidup ini. Seterusnya, manusia mengenali fitrah dirinya, menyelamatkan manusia daripada suatu pertarungan dengan dirinya sendiri yang tercari-cari apakah matlamat hidup sebenarnya, dan memberikan kebebasan dalam memilih samada tuntutan peribadi (hawa nafsu) dengan tuntutan Tuhannya. Penilaian yang jelas ini dapat membebaskan diri dari sifat “ananiah” (individualisme).

Keempat, *alif* adalah Akhlak yang diibaratkan buah bagi segala ilmu. Pokok yang ditanam dan diberi baja yang cukup tetapi tidak menghasilkan buah maka pokok tersebut tiada manfaat dan kebaikan yang boleh diambil oleh penanamnya. Maka, begitulah hasil dalam pembentukan kecemerlangan manusia adalah dilihat dari sudut akhlaknya. Rasulullah SAW merupakan insan yang telah membuktikan kejayaan membawa perubahan kepada umat manusia kerana akhlaknya sehingga Allah SWT memuji Baginda SAW dalam firman Allah SWT yang bermaksud: Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia. (Surah al-Qalam: 4)



Program Cakna JAKIM Sarawak



Perjumpaan serta Perbincangan Pengarah IKMAS dan Pengarah Penjara Puncak Borneo Kuching, Sarawak



Majlis Jalinan Kasih Penduduk Telaga Air Bersama Toh Puan Datuk Patinggi Raghad di IKMAS



Sijil Profesionalisme Imam Negeri Sarawak 2021



Minggu Aluan Pelajar (MALPI) IKMAS



Ceramah Perkongsian Gaya Hidup Sihat: "Pemakanan Sihat"



Kunjung Hormat Kementerian Dalam Negeri ke IKMAS



Majlis Bersama
YBhg. Prof. Dato' Dr. Zulkiple bin
Abd Ghani



Malam Apresiasi IKMAS



Perbincangan dan Pemurnian Dokumen MoU
IKMAS - CENTEXS



Ceramah Perdana:
"Hak Sesama Muslim"



Program "Juh Beloya" Bersama
Ustaz Syamsul Debat

Sekalung Tahniah

Pegawai Yang Naik Pangkat



Abdul Rahim bin Othman
Pegawai Hal Ehwal Islam S44
Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni IKMAS

Pegawai Yang Baharu



Siti Nazirah binti Mohd Yusoff
Pegawai Hal Ehwal Islam S44
Bahagian Pembangunan Insan IKMAS
Tempat Bertugas Dahulu:
JAKIM Sarawak

Pegawai Yang Berpindah



Mohd Zaki bin Jaafar
Pegawai Hal Ehwal Islam S44
Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni IKMAS
Berpindah Ke:
JAKIM Sarawak

Jom masuk IKMAS

SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA DAKWAH ISLAMIYYAH

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas dan sihat mental dan fizikal.
2. Bukan warganegara (Antarabangsa) yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan LIMA (5) kepujian termasuk Bahasa Melayu dan mana-mana satu mata pelajaran Pengajian Islam seperti Pendidikan Islam/ Tasawwur Islam/ Pengajian Al-Quran dan As-Sunnah/ Pengajian Syariah Islamiyyah atau Bahasa Arab.
4. LULUS Bahasa Inggeris dan Matematik.
5. Mempunyai minat belajar, sedia dibimbing serta mematuhi peraturan dan arahan.
6. LULUS ujian temuduga.

SYARAT KELAYAKAN MASUK DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN AL-QIRAAT

1. Berumur tidak melebihi 21 tahun dan belum berkahwin.
2. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan syarat minimum Gred 'C' dalam mata pelajaran berikut:
 - i. Bahasa Melayu
 - ii. Bahasa Arab
 - iii. Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiah
 - iv. LULUS Bahasa Inggeris, dan
 - v. LULUS temuduga
Atau
 - vi. Kelulusan yang diiktiraf dan setaraf dengan SPM (Calon Luar Negara)

SYARAT KELAYAKAN MASUK SIJIL PENGAJIAN ISLAM

1. Warganegara Malaysia berumur 17 tahun ke atas dan belum berkahwin.
2. Bukan warganegara (Antarabangsa) yang mempunyai kelayakan yang setara dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. LULUS Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan SATU (1) kepujian dalam mana-mana pelajaran.
4. LULUS temuduga.

ISSN 2785-8790



9772785 879003

اينستيتيوت كماهيران اسلام مليسيا سراوق

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Peti Surat 2867, Jalan Matang 93050 Kuching, Sarawak
Tel: 082 - 843 477, 475 Faks: 082 - 843 440, 439
Email: ikmas@islam.gov.my